

SIARAN MEDIA

KPKT UMUM PERUNTUKAN RM2.5 JUTA BAGI PROJEK MENAIK TARAF DAN PENYELENGGARAAN DI BAWAH MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN

TELUK INTAN, 5 Mei 2023 – YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM2.5 juta kepada Majlis Perbandaran Teluk Intan dalam lawatan kerja beliau ke Teluk Intan hari ini. YB KM telah mengadakan sesi lawatan ke Medan Selera Glutton Square, Pusat Penjaja di Jalan Maharani, Pasar Besar Teluk Intan dan Taman Rekreasi Riverfront, Teluk Intan bagi meninjau kemudahan asas dan keperluan berkaitan di medan selera, pasar awam dan taman rekreasi tersebut.

Jumlah peruntukan yang telah diluluskan oleh Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) ini meliputi projek menaik taraf dan penyelenggaraan seperti berikut;

- 1. Projek Menaik Taraf Medan Selera Glutton Square, Jalan Ah Cheong, Teluk Intan;**
- 2. Projek Menaik Taraf Pusat Penjaja di Jalan Maharani, Teluk Intan;**
- 3. Projek Menaik Taraf Pasar Besar Teluk Intan, Jalan Woo Saik Hong, Teluk Intan; dan**
- 4. Projek Menaik Taraf Taman Rekreasi Riverfront, Jalan Mahkamah, Teluk Intan.**

Menurut YB KM, “Penyaluran peruntukan berjumlah RM2.5 juta ini bertujuan untuk meningkatkan tahap kebersihan, keselamatan dan keselesaan para peniaga dan pengunjung bagi merancakkan lagi ekonomi setempat. Selain itu, kesemua fasiliti awam ini merupakan tempat penyatuan komuniti dan mengeratkan silaturahim antara penduduk dalam sesebuah masyarakat.”

Tambah beliau, “Peruntukan naik taraf medan selera, pasar awam dan taman rekreasi ini merupakan “*performance-based budget*” atau peruntukan berlandaskan pelaksanaan bagi memastikan perkhidmatan dan fokus KPKT terhadap kesejahteraan rakyat dapat terus dipertingkatkan.”

Turut hadir semasa lawatan kerja tersebut ialah YB Tuan Woo Kah Leong, Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna; YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT; YBrs. Tuan Muhammad Razman bin Abu Samah, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) KPKT; YBhg. Datuk Saidatu Akhma binti Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Persekitaran Mampan) KPKT; YBhg. Dato’ Mohd Fadzli bin Mohd Kenali, Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan serta Pengurusan Tertinggi KPKT dan ketua jabatan peringkat negeri dan daerah.

KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) akan sentiasa bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Malaysia bagi merealisasikan perancangan pembangunan demi meningkatkan mutu perkhidmatan dan kesejahteraan rakyat.

#MalaysiaMadani
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

